

DAP tabur fitnah kerana kekeringan isu: Dr Neo

KUALA LUMPUR, Ahad — Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan mendakwa, DAP kini telah kekeringan isu hingga sanggup menabur fitnah semata-mata untuk memancing undi di kawasan parliman Seremban.

Belliau berkata, parti pembangkang DAP boleh menabur fitnah terhadap MCA, tetapi para pengundi kini lebih matang dan tidak dapat menerima fitnah itu.

"Pengundi-pengundi tahu menilai apa yang sedang berlaku dan teknik kotor yang dimainkan oleh DAP untuk menang," jelas Datuk Dr Neo kepada pemberita selepas merasmikan seminar Pencapaian dan Cabaran Wanita di Tahun 80 an di Wisma MCA di sini hari ini.

Katanya, pengundi-pengundi kini sudah bertam-

bah dewasa dan sedar pentingnya mengundi parti yang benar-benar berkorban untuk mereka.

Sudah banyak isu yang tidak berfaedah dikeluarkan oleh DAP dan sudah masanya DAP bersetuju dengan tindakan MCA untuk menambahkan seorang lagi wakil wanita di parlimen.

Pilihanraya kawasan itu diadakan berikutan perletakan jawatan oleh bekas Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Lee San Choon yang juga bekas Menteri Pengangkutan.

Datuk Lee menang dalam pilihanraya tahun 1982 dengan kelebihan 845 undi dari Presiden Kebangsaan DAP, Dr Chen Man Hin.

Isu untuk meninggikan lagi pembangunan wanita di negara ini patut diperjuangkan bersama untuk memberi peluang memimpin yang samarata dan bukan menye-

barkan fitnah terhadap ahli MCA membakar poster DAP.

"Setakat hari ini saya masih belum melihat kenyataan DAP yang hendak berjuang untuk kepentingan wanita dan mengemukakan isu yang baru untuk kepentingan bersama," jelas Datuk Dr Neo.

Kni sudah nyata tiada sedikitpun kemajuan yang dilaungkan oleh DAP selama 18 tahun DAP "mentadbir" bandar Seremban, kata belliau lagi.

Parti DAP katanya, tidak bergerak dan tiada satupun projek yang berjaya dilaksanakan untuk faedah orang-orang Seremban.

Semasa merasmikan seminar itu pula, Datuk Dr Neo berkata, samada MCA menang atau kalah, peluang untuk mengasah bakat pemimpin wanita akan terus dibuka dalam arena politik.